

Garis Panduan Penilaian Komponen Keberhasilan

Garis Panduan Penilaian Komponen Keberhasilan (GPPKK) menerangkan secara khusus terma, syarat, kaedah pelaksanaan penilaian keberhasilan. Penilaian komponen keberhasilan merupakan sebahagian daripada PBPPP. Jumlah keseluruhan markah untuk penilaian keberhasilan ialah 100%. Walau bagaimanapun dalam penilaian keseluruhan PBPPP, penilaian keberhasilan menyumbang wajaran sebanyak 10%. Penilaian keberhasilan merupakan penilaian hasil kerja utama outcome/output yang memberi impak berdasarkan tugas dan tempat bertugas. Asas penilaian keberhasilan berfokuskan kepada peningkatan atau pencapaian. Ketiga-tiga elemen berikut perlu

dipertimbangkan secara profesional semasa membuat penilaian sasaran keberhasilan yang telah ditetapkan iaitu:

a) usaha; dan/ atau

– inisiatif dalam meningkatkan keberhasilan

b) kesungguhan; dan/ atau

– berusaha dengan penuh minat, tekun dan seikhlas hati

c) keberkesanan tugas

– hasil kerja yang memberi impak kepada organisasi

Secara amnya, proses penilaian

komponen keberhasilan bermula dari langkah

penetapan sasaran, penilaian awal,

semakan semula sasaran dan penilaian kejayaan

mencapai hasil tugas yang disasarkan.

Kaedah-kaedah penilaian komponen keberhasilan adalah seperti berikut:

a. Penetapan sasaran keberhasilan

adalah berdasarkan kepada deskripsi

tugas

yang dilaksanakan oleh PYD. PP berperanan menyelia dan membimbing dalam menentukan hasil kerja yang disasarkan. Penetapan sasaran keberhasilan perlu dibuat pada awal tahun penilaian.

b. PP1, PP2 dan PYD hendaklah berbincang dan membuat persetujuan bersama bagi menetapkan sasaran keberhasilan berdasarkan deskripsi tugas yang akan dicapai dalam tahun penilaian.

c. Penilaian sasaran keberhasilan dilaksanakan dua kali dalam tempoh penilaian iaitu pada penilaian pertama (pertengahan tahun) dan penilaian akhir (akhir tahun).

d. PP1, PP2 dan PYD perlu berbincang untuk menetapkan pencapaian keberhasilan dengan adil, telus dan berintegriti bagi setiap sasaran keberhasilan PYD.

- e. Sasaran keberhasilan boleh dikekalkan, ditambah, digugur atau dipinda selepas penilaian pertama dengan persetujuan bersama antara PYD, PP1 dan PP2.
- f. Skor penilaian komponen keberhasilan akan dimasukkan ke dalam sistem ePrestasi oleh PP1. PP2 boleh menyemak skor keberhasilan yang telah dimasukkan dan disimpan oleh PP1 ke dalam sistem e-Prestasi. PP2 juga perlu memastikan maklumat tersebut adalah sama seperti yang dipersetujui antara PYD dan PP1.
- g. PP1, PP2 dan PYD mesti menyimpan salinan Borang Keberhasilan selepas penilaian untuk tujuan rekod dan rujukan semasa dan selepas tempoh tahun penilaian.

Tatacara penetapan sasaran keberhasilan adalah seperti berikut:

- a. Penyataan sasaran keberhasilan adalah berdasarkan deskripsi tugas PYD. Penulisan penyataan sasaran keberhasilan adalah tidak melibatkan kerja rutin yang berbentuk proses tanpa ada keberhasilan.

- b. PYD perlu menetapkan sasaran keberhasilan yang sesuai dengan deskripsi tugas dan tempat bertugas masing-masing. PYD perlu merujuk kepada senarai tugas yang telah ditetapkan.
- c. Bilangan bidang tugas dan sasaran keberhasilan serta nilai ukuran sasaran hendaklah bersesuaian mengikut kemampuan dan kebolehcapaian dengan deskripsi tugas PYD serta latar belakang dan matlamat organisasi.
- d. Setiap PYD perlu menetapkan sekurang-kurangnya lima sasaran keberhasilan yang bersesuaian dengan deskripsi tugas yang dijalankan. Walau bagaimanapun sasaran keberhasilan bagi PYD berikut boleh disediakan kurang daripada lima iaitu:
- PPP yang baharu dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP)
 - PPP yang berada dalam Jawatan Kumpulan tetapi layak dinilai pada tahun semasa

• PPP yang berada dalam tempoh pemantauan dasar pemisah (exit policy) Penilaian Komponen Keberhasilan perlu menggunakan Borang Keberhasilan seperti format dalam Rajah 7.3. Templat borang ini dibekalkan dalam format MS Excel dan boleh digunakan sepanjang tempoh penilaian tahun semasa. Semoga info dan maklumat ini dapat membantu anda dalam memahami prosen penilaian keberhasilan.